

PM failkan afidavit jawapan

UM - 5 APR 2000

Oleh KAMARIAH AHMAD

KUALA LUMPUR 4 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memfailkan afidavit jawapan di Mahkamah Tinggi di sini hari ini berhubung sama ada relevan untuk memanggil beliau menjadi saksi pembela dalam perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Pendaftar, Rozilah Salleh ketika dihubungi pemberita mengesahkan bahawa ia difailkan kira-kira pukul 12.20 petang ini dan polis kemudian melaksanakan penyerahan afidavit kepada Anwar yang hadir di mahkamah untuk menghadapi perbicaraannya.

Difahamkan afidavit tersebut agak tebal dan Anwar dijangka membuat afidavit balas bagi menjawab afidavit jawapan Perdana Menteri.

Perbicaraan kes liwat Anwar dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja di Mahkamah Tinggi pagi ini ditangguhkan.

Mahkamah menetapkan pagi esok bagi mendengar permohonan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin untuk mengetepikan sapina terhadapnya

yang dipanggil sebagai saksi pembela.

Terdahulu pada sidang mahkamah pagi ini, Hakim Datuk Ariffin Jaka membatalkan permohonan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Samsudin setelah beliau menarik balik untuk mengetepikan sapina sebagai saksi pembela kes tersebut.

Peguam Ng Aik Guan yang mewakili Abdul Aziz memaklumkan pihaknya telah menulis surat kepada mahkamah untuk menarik balik permohonan anak guamnya.

Peguam bela Anwar, Karpal Singh tidak membantah.

Salinan

Ng berkata, beliau juga mewakili Daim yang memohon untuk mengetepikan sapina terhadapnya dan ia sepatutnya dideنگار pagi ini.

Bagaimanapun kata peguam itu, pihaknya memfailkan satu lagi afidavit jawapan dan salinannya diserahkan kepada peguam bela Anwar dan Sukma yang dinamakan sebagai responden pagi ini.

Karpal pula memberitahu bahawa beliau memerlukan masa untuk meneliti dan Anwar akan membuat afidavit balas.

Hakim Ariffin lalu mengingatkan kedua-dua pihak supaya menyelesaikan perkara afidavit tersebut.

Beliau menegaskan, jika perkara itu tidak diselesaikan maka ia akan berlarutan dan tidak ada penghujung.

Hakim Ariffin juga meminta peguam pemohon (Daim) dan peguam bela Anwar supaya berunding mengenai perkara afidavit tersebut.

Sehubungan itu, Karpal memberitahu bahawa beliau difahamkan bahawa Dr. Mahathir akan memfailkan afidavit jawapan hari ini.

Pada 31 Mac lalu, Hakim Ariffin mengeluarkan arahan supaya peguam bela Anwar menyerahkan afidavitnya kepada Dr. Mahathir berhubung isu relevansi untuk memanggil beliau sebagai saksi.

Menurut Hakim Ariffin, sekiranya Dr. Mahathir ingin menjawabnya maka beliau boleh memfailkan afidavit selewat-lewatnya pukul 4 petang hari ini.

Namun begitu mahkamah tidak membuat apa-apa arahan kepada Dr. Mahathir untuk menjawab afidavit berkenaan.